Mei - Ogos 2025 | Vol 2/25

ALUMNI NEWSLETTER

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah
Aras 1, Bangunan Anjung Siswa,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu

088 329360
www.ums.edu.my/alumni/

ISI KANDUNGAN

3

HELIZA HELMI:
IKON KESUKARELAWANAN DAN KEMANUSIAAN MALAYSIA

6

HI-TEA ALUMNI UMS ZON KUCHING 2025 MENGERATKAN UKHUWAH, MENGUKUHKAN JARINGAN

8

AZIZUL JULIRIN:
IKON AGROPRENEUR MUDA SABAH YANG MENGINSPIRASI GENERASI BAHARU

11

HI-TEA ALUMNI UMS ZON TERENGGANU 2025 MENJALIN SILATURAHIM, MENCIPTA KENANGAN

13

TAKLIMAT KESELAMATAN ANCAMAN HAIWAN LIAR PERKASA KESEDARAN WARGA UMS

14

PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA:
PUSAT ALUMNI TERIMA LAWATAN AUDIT

15

MENGUKUHKAN JALINAN STRATEGIK: KUNJUNGAN HORMAT PUSAT HUBUNGAN ALUMNI UNIVERSITI MALAYA KE PUSAT ALUMNI

16

TAKLIMAT ANCAMAN SIBER DEDAH BAHAYA TERSEMBUNYI MEDIA SOSIAL

17

SEGMEN KHAS: KISAH ALUMNI UMS MENYULUH KEJAYAAN, MEMPERKUKUH REPUTASI UNIVERSITI

SELAMAT MENYAMBUT HARI ALUMNI 2025
TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA
SYABAS DAN TAHNIAH
SALAM TAKZIAH
ALUMNI MERCHANDISE
ALUMNI VIRTUAL ONE-STOP CENTRE



Follow Us on Social Media

@PusatAlumniUMS

Heliza Helmi:
IKON KESUKARELAWAN DAN KEMANUSIAAN MALAYSIA

Nama Heliza Helmi bukanlah asing dalam dunia seni hiburan Malaysia. Namun, jauh daripada sorotan lampu pentas dan kamera, beliau telah mencipta satu legasi yang luar biasa dalam dunia kesukarelawanan dan kemanusiaan. Dilahirkan pada 3 Februari 1986 di Kuala Terengganu, Terengganu, Heliza atau nama penuhnya Nur Heliza binti Helmi telah melangkaui batas popularity selebriti apabila menjadikan kehidupannya sebagai ruang untuk memberi kembali kepada masyarakat yang memerlukan.



Dunia Seni ke Misi Kemanusiaan

Heliza memulakan kariernya dalam industri hiburan menerusi program realiti popular, Akademi Fantasia Musim Kelima (2007). Sejak itu, beliau terus dikenali sebagai seorang penyanyi, pelakon, pengacara, penceramah, pakar motivasi dan model. Namun, kejayaan dalam bidang seni tidak membutakan mata hatinya terhadap penderitaan manusia sejagat. Sebaliknya, beliau menjadikan popularity yang dikecapinya sebagai platform untuk menyuarakan isu-isu kemanusiaan dan mengetuai misi-misi bantuan ke seluruh dunia.

Menariknya, Heliza juga merupakan alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan kelulusan dalam bidang Sains Biologi dan Kimia. Kepakaran ini melengkapkan misinya dalam kerja kemanusiaan, terutamanya apabila melibatkan isu kesihatan, keselamatan dan logistik di lapangan.

Daripada sorotan pentas hiburan ke barisan hadapan misi kemanusiaan, Heliza Helmi telah berubah dengan penuh berhemah menjadi seorang aktivis yang menginspirasi, dengan suaranya kini memperjuangkan iman, kasih sayang dan isu global.

Kejayaan dan Pengiktirafan

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya yang luar biasa dalam bidang kesukarelawanan, Heliza telah menerima Anugerah Ikon Alumni Kesukarelawanan UMS pada tahun 2022, dan sekali lagi diberi penghormatan yang sama pada tahun 2024. Anugerah ini merupakan manifestasi penghargaan UMS terhadap dedikasi beliau dalam memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan dan usaha berterusan beliau untuk membantu golongan yang terpinggir.



Misi Kemanusiaan Bertaraf Global

Heliza telah menyertai pelbagai misi kemanusiaan di dalam dan luar negara, membuktikan bahawa beliau bukan sekadar selebriti, tetapi juga seorang aktivis yang berani dan berhati kental. Antara misi besar yang telah disertainya termasuk:

Misi Kemanusiaan Turkiye-Syria Ramadan (2023):
Turut serta membantu mangsa gempa bumi yang melanda kedua-dua negara, khususnya pada bulan Ramadan. Misi ini memperlihatkan pengorbanan beliau dalam menyantuni mereka yang terjejas dalam suasana yang serba kekurangan.

Misi ke Lombok dan Sulawesi (2018):
Apabila gempa bumi melanda kawasan tersebut, Heliza bersama Muslim Care dan MAPIM memberikan bantuan makanan, ubat-ubatan dan perlindungan kepada mangsa.

Misi Bantuan Semporna (2022):
Bersama Pertubuhan Impak Prihatin Malaysia, Heliza turun padang ke Semporna, Sabah untuk membantu masyarakat yang terpinggir dan hidup dalam kemiskinan.



Salah satu misi paling berani yang disertai Heliza, di mana beliau membantu menyampaikan bantuan keperluan kepada rakyat Gaza dalam suasana penuh risiko dan cabaran.

Misi ke Syria dan Yemen (2017):
Ketika konflik memuncak, beliau hadir untuk memberi bantuan asas dan semangat moral kepada pelarian serta mangsa yang terjejas.

Kempen 'A Tile for Seville' di Sepanyol (2016):
Terlibat dalam kempen pengumpulan dana melalui jualan jubin untuk projek kebajikan di Sepanyol.

Kesukarelawan di Tanah Air

Di dalam negara, Heliza turut aktif dalam pelbagai program kebajikan, pendidikan dan pembangunan komuniti, termasuk memberikan sokongan kepada golongan wanita, anak yatim, dan mereka yang kurang berkemampuan. Semangat beliau untuk membantu sesama insan tidak pernah terhad kepada sempadan geografi mahupun kaum. Beliau juga dikenali sebagai seorang penceramah motivasi yang mampu menyentuh hati audiens, terutamanya anak muda yang memerlukan inspirasi dan bimbingan dalam menghadapi cabaran hidup.



Heliza Helmi dan pasukannya berhadapan dengan keadaan gelap gulita semasa menjalankan misi bantuan kepada mangsa banjir. Heliza sempat mengimbau kembali situasinya di negara bergolak sebelum ini.

Inspirasi kepada Generasi Muda

Heliza Helmi adalah bukti hidup bahawa popularity bukan penghalang untuk melakukan kebaikan. Sebaliknya, pengaruh boleh digunakan sebagai alat untuk menyebarkan mesej kasih sayang, empati dan tanggungjawab sosial. Keberanian beliau meninggalkan keselesaan dunia selebriti untuk menjelajah ke zon konflik dan kawasan bencana telah menjadikan beliau ikon kesukarelawanan Malaysia yang dihormati ramai.

Sebagai alumni UMS, beliau telah membawa nama universiti ke persada antarabangsa bukan melalui gelaran akademik semata-mata, tetapi melalui jiwa besar dan semangat kemanusiaan yang tidak pernah luntur. Kisahnya menjadi inspirasi kepada generasi muda – bahawa setiap daripada kita mempunyai potensi untuk memberi kesan positif kepada dunia, walaupun dengan tindakan kecil yang penuh keikhlasan.

Pusat Alumni UMS amat berbangga dengan pencapaian Heliza Helmi. Komitmennya dalam memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan, baik di dalam mahupun luar negara, menjadikan beliau seorang ikon sejati yang layak dicontohi oleh seluruh warga alumni.



Hi-Tea Alumni UMS

ZON KUCHING 2025 MENGERATKAN UKHUWAH, MENGUKUH JARINGAN

Sarawak,19 Julai 2025 - Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan Program Hi-Tea Bersama Alumni @ Zon Kuching bertempat di Bilik Bukit Tebu 2 & 3, Tingkat 1, Harbour View Hotel, Kuching, Sarawak. Program ini menghimpunkan sekitar 60 alumni UMS dari pelbagai generasi dan latar belakang kerjaya yang kini menetap dan berkhidmat di Sarawak. Objektif utama program ini adalah untuk mengukuhkan jaringan hubungan antara alumni, mengeratkan kembali hubungan dengan alma mater, mengumpul data alumni serta memupuk rasa keterikatan *(sense of belonging)* terhadap universiti.

Sepanjang program, para alumni berpeluang menyertai sesi perkongsian pengalaman, mengimbau kenangan zaman pengajian dan menikmati cabutan tiket bertuah dalam suasana santai namun penuh makna. Program ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YBrs. Prof. Madya Dr. Raman Noordin (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UMS), YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. Al-Khalid Hj Othman (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UNIMAS), YBrs. Dr. Arif@Kamisan Pusiran (Pengarah Pusat Alumni UMS), YBrs. Dr. Zuraini binti Seruji (Timbalan Pengarah Seksyen Alumni) serta YBrs. Puan Stella @ Nurul Martini Gontol (Pengarah Pusat Pengurusan NR & Fasiliti Perumahan Pelajar, UMS).

Menurut Dr. Arif@Kamisan, program ini memberi peluang kepada alumni untuk mengaktifkan semula penglibatan mereka dalam Chapter Alumni Sarawak yang telah lama ditubuhkan, selain merancang pelbagai inisiatif baharu di peringkat zon. Pusat Alumni UMS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua alumni yang hadir, para tetamu kehormat serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, dengan harapan agar jaringan alumni terus diperkukuh demi manfaat bersama.



"Gambar kenangan ini sempat dirakam bersama alumni sebagai simbol ukhuwah yang terjalin erat serta sokongan berterusan terhadap alma mater tercinta."




HI-TEA
ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
ZON SARAWAK @KUCHING
19 JULAI 2025
PUSAT ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




HI-TEA
ALUMNI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
ZON SARAWAK @KUCHING
UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Stay Connected!
PUSAT ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Azizul Julirin:
IKON AGROPRENEUR MUDA SABAH YANG MENGINSPIRASI GENERASI BAHARU

Dalam era keusahawanan moden yang semakin mencabar, kemunculan usahawan muda yang berani meneroka sektor pertanian dan akuakultur amat dialu-alukan. Salah satu nama yang menonjol dalam bidang ini ialah Azizul Julirin, seorang agropreneur muda yang berasal dari Kundasang, Sabah. Kejayaannya bukan sahaja membuktikan bahawa pertanian masih relevan dalam ekonomi hari ini, malah menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk melihat potensi luar biasa yang tersembunyi dalam sektor ini.

Bersama lebih 100 petani kecil, Azizul telah membantu sebilangan besar peniaga dan petani kecil di Kundasang sejak terlibat dalam usahaniaga ini. Perkara penting bagi pasukannya ialah mendapat pulangan untuk pusingan modal.

Latar Belakang dan Pendidikan

Azizul Julirin dilahirkan pada 25 Oktober 1988 di Kundasang, sebuah kawasan tanah tinggi yang terkenal dengan keindahan semula jadi dan kegiatan pertanian. Minatnya terhadap bidang akuakultur membawa beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di mana beliau berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Sains (Akuakultur) pada tahun 2010. Tidak terhenti di situ, Azizul turut melengkapkan dirinya dengan pensijilan sebagai *Certified Professional Trainer and Learning Facilitator* (CPTLF) daripada NLP USA pada tahun 2018, membuktikan komitmennya terhadap pembangunan diri dan profesionalisme.

Pengalaman kerjayanya juga mencerminkan kepelbagaian dan kesungguhan dalam meneroka pelbagai aspek industri. Beliau pernah berkhidmat sebagai Koordinator Projek di *Sabah Land Development Board* (SLDB) dari tahun 2010 hingga 2015, dan seterusnya sebagai Pembantu Penyelidik di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), UMS antara tahun 2015 hingga 2017. Azizul turut memperoleh pengalaman antarabangsa apabila menjalani latihan industri di Kansai Bussan Product Co. Ltd di Jepun pada tahun 2010.



Keusahawanan dan Sumbangan Ekonomi

Hari ini, Azizul adalah pemilik kepada beberapa perniagaan yang semakin berkembang di Sabah. Antaranya ialah Konoha Agrotech Sdn Bhd, Kundasang Aquafarm PLT, Midori Homestay Kundasang, dan Anooh Coffee. Setiap perniagaan ini mencerminkan komitmen beliau untuk meneroka potensi pelbagai industri dari pertanian moden, pelancongan desa, sehingga ke pemprosesan kopi tempatan. Melalui syarikat-syarikat ini, Azizul bukan sahaja mencipta peluang pekerjaan, malah membantu meningkatkan pendapatan komuniti setempat. Pendekatannya yang inklusif menjadikan perniagaannya sebagai model pembangunan luar bandar yang mampan dan inovatif.

Pengiktirafan dan Anugerah

Sumbangan dan pencapaian Azizul tidak pernah luput daripada perhatian. Beliau telah menerima pelbagai anugerah seperti:

- Anugerah Khalid Al Walid sempena Sambutan Maal Hijrah Daerah Ranau (2022)
- *Honourable Mentions Award* daripada *Sabah Creative Economy and Innovation Centre* (SCEIC) (2021)
- Geran Agropreneur Muda daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (2021)
- Johan Pertandingan Cabaran Inovasi Malaysia Zon Sabah anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (2019)

Kemuncaknya, Azizul telah mewakili Malaysia ke *United Nations Forum on MSME* di New York, Amerika Syarikat pada tahun 2018, memperlihatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap usahawanannya. Beliau juga pernah menjadi tetamu jemputan di rancangan televisyen seperti Bernama TV dan Astro Awani untuk berkongsi pandangan tentang pembangunan keusahawanan belia.

Pemimpin dan Penyumbang Komuniti

Selain kejayaan perniagaan, Azizul dikenali sebagai seorang pemimpin masyarakat yang aktif dan berdedikasi. Antara penglibatannya adalah sebagai Pengerusi Majlis Agropreneur Muda Kebangsaan Negeri Sabah, di mana beliau memainkan peranan penting dalam membimbing dan menyokong usahawan tani muda. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Sabah, serta menjadi mentor kepada pelbagai program pembangunan seperti –



AgriPRENTICE dan Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Sumbangannya turut melangkaui aktiviti ekonomi apabila beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan kurikulum akademik baharu berkaitan agroteknologi dan agropelancongan bersama institusi seperti UiTM dan UMS. Hal ini menunjukkan kesungguhan beliau dalam membina ekosistem pendidikan dan keusahawanan yang saling melengkapi.



Teknologi dan Inovasi dalam Pertanian

Azizul amat percaya bahawa teknologi adalah pemacu masa depan pertanian. Melalui Konoha Agrotech Sdn Bhd, beliau telah memperkenalkan sistem hidroponik kepada komuniti petani di Kundasang, sekaligus meningkatkan hasil tanaman dan memelihara kelestarian alam sekitar. Usaha ini mendapat perhatian media arus perdana seperti Astro Awani, Bernama, dan *The Borneo Post*. Pendekatan inovatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pertanian, malah membantu menarik minat anak muda terhadap bidang yang sebelum ini dianggap tradisional dan kurang menarik.

Inspirasi kepada Generasi Baharu

Lebih daripada seorang usahawan, Azizul Julirin ialah seorang pendidik dan inspirasi. Beliau sering diundang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman di pelbagai platform, memberi semangat kepada anak muda untuk berani mencuba dalam bidang pertanian dan akuakultur. Azizul percaya bahawa pertanian hari ini bukan sekadar pekerjaan, tetapi peluang untuk mencipta impak yang besar kepada negara dan komuniti.

Kisah kejayaan Azizul Julirin membuktikan bahawa dengan visi yang jelas, semangat juang yang tinggi, dan kesungguhan memberi kembali kepada masyarakat, sesiapa pun mampu mencipta perubahan. Daripada seorang anak muda di Kundasang, beliau kini menjadi ikon agropreneur muda Sabah yang menginspirasikan ramai. Kejayaannya menjadi bukti bahawa pertanian moden bukan sahaja menjanjikan masa depan yang cerah, tetapi juga ruang untuk membina negara dan memperkasakan generasi akan datang.

> ***"Petani yang mengerti kesusahan dan keperluan masyarakat merupakan tonggak penting dalam memastikan proses pengeluaran makanan berjalan lancar demi menjamin sekuriti makanan negara yang mencukupi dan terpelihara sepanjang masa."***

Hi-Tea Alumni UMS

ZON TERENGGANU 2025 MENJALIN SILATURAHIM, MENCIPTA KENANGAN

Terengganu, 22 Ogos 2025 – Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya sekali lagi dalam menganjurkan Program Hi-Tea Bersama Alumni @ Zon Terengganu bertempat di Intan Hall, Hotel Permai, Kuala Terengganu, Terengganu. Program ini menghimpunkan kira-kira 50 alumni UMS dari sekitar Kuala Terengganu, Kemaman, Kerteh, Besut dan juga dari Pasir Mas, Kelantan. Alumni yang hadir adalah dari pelbagai generasi dan latar belakang kerjaya yang kini menetap dan berkhidmat di Terengganu. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk mengukuhkan jaringan hubungan antara alumni, mengeratkan kembali hubungan dengan alma mater, mengumpul data alumni serta memupuk rasa keterikatan *(sense of belonging)* terhadap universiti, khususnya alumni di sekitar pantai timur.

Para alumni berkesempatan menyertai sesi perkongsian pengalaman yang pernah dilalui, memperingati kembali kenangan semasa zaman pengajian dan menikmati cabutan tiket bertuah dalam suasana santai namun penuh makna. Program ini turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YBrs. Dr. Arif@Kamisan Pusiran (Pengarah Pusat Alumni UMS) yang mewakili YBrs. Prof. Madya Dr. Raman Noordin (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMS) dan Prof. Madya Dr. Syamsul Azri Abdul Rahman (Pengarah Pusat Alumni UNISZA). Antara aktiviti menarik yang diadakan adalah "The Wheel of Name" dan acara "Ex-UMS? Prove It" menerusi aplikasi atas talian *Kahoot*.

Dr. Arif@Kamisan menerusi ucapan beliau menyatakan bahawa program ini merupakan medan untuk mengeratkan hubungan antara alumni dan pentadbiran universiti, selain menjalankan rencana kerjasama dan merancang program yang dapat menambahbaik agenda pembangunan universiti. Pusat Alumni UMS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ribuan terima kasih kepada semua alumni yang hadir, para tetamu kehormat serta semua pihak yang terlibat dan di belakang tabir dalam menjayakan program ini, dengan harapan agar jaringan alumni terus diperkukuh demi manfaat bersama.



"Gambar kenangan ini bersama alumni sebagai simbol hubungan ukhuwah yang terjalin erat walaupun masing-masing mempunyai haluan sendiri dalam dunia pekerjaan."


ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


KELUAR


UMS
aLumNi
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TAKLIMAT KESELAMATAN ANCAMAN HAIWAN LIAR PERKASA KESEDARAN WARGA UMS



Kota Kinabalu-Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya menganjurkan satu sesi taklimat keselamatan bertemakan Ancaman Haiwan Liar, yang berlangsung pada Isnin, 19 Mei 2025 jam 10.00 pagi di Pejabat Pusat Alumni.

Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan kepada warga UMS berkenaan isu keselamatan melibatkan haiwan liar serta langkah-langkah kesiapsiagaan yang perlu diambil. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) peringkat Pusat Alumni dalam usaha memperkukuh tahap keselamatan di tempat kerja.



ASP/PB Adi bin Yusof, Pegawai Keselamatan Kanan dari Bahagian Keselamatan UMS telah dijemput sebagai penceramah undangan. Beliau berkongsi pelbagai maklumat penting termasuk jenis haiwan liar yang sering ditemui, tingkah laku berisiko, serta prosedur kecemasan yang wajar diikuti.

Para peserta menunjukkan minat yang tinggi dan turut berinteraksi aktif sepanjang sesi berlangsung. Program ini diharap dapat meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan staf dan menanam budaya peka terhadap risiko ancaman haiwan liar di kawasan kampus.

Dengan penganjuran taklimat ini, diharapkan warga UMS, khususnya di Pusat Alumni, lebih bersedia dan berpengetahuan dalam menghadapi situasi melibatkan ancaman haiwan liar. Usaha berterusan seperti ini amat penting dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti kampus sentiasa terpelihara.



Pemeriksaan Tempat Kerja:

PUSAT ALUMNI TERIMA LAWATAN AUDIT

Kota Kinabalu, 22 Mei 2025 – Pusat Alumni UMS telah menerima lawatan audit silang sempena Pemeriksaan Tempat Kerja (KKP) bagi sukuan kedua (April-Jun) yang dilaksanakan oleh wakil daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang. Audit ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan institusi dalam memastikan tahap pematuhan terhadap aspek keselamatan, kesihatan pekerjaan dan perundangan di tempat kerja sentiasa berada pada tahap optimum. Pemeriksaan ini turut bertujuan mengenal pasti potensi risiko, kelemahan sistem serta mencadangkan penambahbaikan terhadap pengurusan tempat kerja.

Sepanjang audit, beberapa aspek utama telah diberi perhatian termasuk susun atur ruang kerja, pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP), dokumentasi keselamatan, serta kesediaan menghadapi situasi kecemasan. Pihak auditor turut mengadakan sesi semakan dokumen dan tinjauan fizikal ke beberapa bahagian di dalam premis Pusat Alumni. Pusat Alumni memberikan kerjasama penuh sepanjang proses audit berlangsung dan mengalu-alukan sebarang saranan penambahbaikan yang dikemukakan. Komitmen terhadap pematuhan undang-undang dan penciptaan persekitaran kerja yang selamat serta kondusif merupakan keutamaan pihak pengurusan.

Melalui audit ini, diharapkan agar tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan tempat kerja dapat dipertingkatkan, selaras dengan garis panduan serta piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.



Mengukuhkan Jalinan Strategik:

Kunjungan Hormat Pusat Hubungan Alumni Universiti Malaya ke Pusat Alumni

Kota Kinabalu,13 Jun 2025 – Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Pusat Hubungan Alumni Universiti Malaya (UM). Lawatan rasmi ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UMS sebagai usaha memperkukuh hubungan strategik serta jaringan kerjasama antara kedua-dua pusat alumni.

Selain itu, kunjungan ini juga membuka ruang kepada kedua-dua pihak untuk meneroka peluang kerjasama baharu dalam usaha meningkatkan tahap keterlibatan alumni dengan universiti. Perbincangan turut menekankan strategi untuk menggalakkan alumni agar terus menyumbang bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga idea, kepakaran dan sokongan moral yang mampu memperkasakan pembangunan universiti secara holistik.

Pusat Alumni UMS menyambut baik kunjungan ini dan berharap kerjasama yang terjalin dapat diteruskan melalui pelaksanaan inisiatif bersama pada masa hadapan. Langkah ini diharap dapat memacu ekosistem alumni yang lebih progresif dan inklusif, selaras dengan aspirasi universiti untuk terus unggul di persada pendidikan tinggi negara dan antarabangsa.

Delegasi yang diketuai oleh Pengarah Pusat Hubungan Alumni UM, Puan Nor Hafizah Abdullah bersama empat orang pegawai ini telah berpeluang bertukar pandangan dengan pihak Pusat Alumni UMS mengenai pelbagai aspek pengurusan alumni. Antara fokus utama perbincangan termasuklah pembangunan dan pengurusan pangkalan data, penambahbaikan pusat data, pembangunan aplikasi mudah alih, pengurusan laman sesawang serta teknologi sokongan lain yang relevan dalam memperkukuh operasi pusat alumni secara lebih berkesan dan efisien.



TAKLIMAT ANCAMAN SIBER DEDAH BAHAYA TERSEMBUNYI MEDIA SOSIAL



"Rina Suryani (kiri) menerima cenderahati daripada wakil Pusat Alumni"

KOTA KINABALU, 10 Julai 2025 – Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan satu taklimat kesedaran bertajuk "Hidden Danger: Protecting Your Social Media Page from Cyber Attack" yang memberi penekanan terhadap isu keselamatan siber berkaitan penggunaan media sosial. Program yang berlangsung pada 10 Julai 2025 itu disertai oleh kakitangan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), bertujuan meningkatkan tahap kesedaran tentang risiko ancaman siber yang semakin canggih dan sukar dikesan.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Rina Suryani Sulong, Pegawai Teknologi Maklumat, Jabatan Digital UMS, yang berkongsi pelbagai pengetahuan penting dan terkini dalam aspek keselamatan media sosial. Antara pengisian utama termasuk pendedahan terhadap risiko penggunaan media sosial seperti serangan phishing, perisian hasad, pencurian identiti, buli siber, pelanggaran privasi dan kerosakan reputasi. Selain itu, peserta turut didedahkan kepada jenis ancaman terkini termasuk smishing, vishing, serangan deepfake serta teknik kejuruteraan sosial berasaskan kecerdasan buatan (AI).

Bahagian penting lain yang diketengahkan merangkumi langkah-langkah perlindungan akaun media sosial, antaranya penggunaan kata laluan unik dan kukuh, pengaktifan pengesahan *Multiple Factor Authentication* (MFA), semakan sesi aktif dan pengurusan tetapan privasi serta kebenaran aplikasi pihak ketiga. Program ini turut menyentuh langkah tindak balas insiden apabila akaun dikompromi, termasuk mengesahkan insiden, menyekat akses, mengemaskini keselamatan dan melaporkan kepada pihak penyedia platform.



"Perkongsian ilmu mengenai kepentingan media sosial bersama warga Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni"

Selain itu, peserta diberi pendedahan langkah-langkah cara pemulihan akaun dan kepercayaan, serta strategi pencegahan jangka panjang melalui kawalan akses, pemantauan berterusan dan latihan berkala. Melalui penganjuran program ini, Pusat Alumni UMS komited untuk memperkasakan literasi digital warga universiti dan memperkukuh budaya keselamatan siber dalam menghadapi cabaran dunia digital masa kini.



Segmen Khas: Kisah Alumni UMS

Menyuluh Kejayaan, Memperkukuh Reputasi Universiti



Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berbangga dengan pencapaian serta kejayaan yang telah dikecapi oleh para alumninya. Alumni bukan sekadar bekas pelajar, tetapi merupakan duta institusi yang mencerminkan kualiti pendidikan dan nilai murni yang diterapkan sepanjang tempoh pengajian di universiti ini.

Sehubungan itu, Pusat Komunikasi Korporat (PKK) UMS dengan kerjasama Pusat Alumni UMS memperkenalkan satu segmen khas di laman web rasmi dan media sosial rasmi universiti yang bertujuan menonjolkan kisah kejayaan alumni. Segmen ini bukan sahaja memberi penghargaan kepada alumni yang telah mencapai kecemerlangan dalam kerjaya dan kehidupan, malah berfungsi sebagai sumber inspirasi kepada masyarakat dan bakal pelajar yang ingin mengenali lebih dekat keunggulan Universiti Malaysia Sabah.

Melalui segmen khas ini, alumni berpeluang untuk berkongsi ringkasan latar belakang dan kerjaya terkini serta kejayaan atau pencapaian selepas tamat pengajian. Perkongsian ini akan memberi gambaran jelas tentang bagaimana ilmu, pengalaman dan jaringan yang diperoleh di UMS menjadi asas kejayaan dalam bidang masing-masing.



Dengan menampilkan kisah-kisah alumni di ruang rasmi universiti, UMS berhasrat memperkukuh reputasi sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja melahirkan graduan berilmu, tetapi juga membentuk pemimpin, usahawan, penyelidik, profesional, serta insan berdaya saing yang memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat.

Bagaimana Alumni Boleh Menyertai?

Alumni yang berminat untuk diketengahkan dalam segmen khas ini dipelawa menghantar maklumat berikut:

- Ringkasan latar belakang dan kerjaya terkini
- Kejayaan atau pencapaian selepas tamat pengajian
- Gambar korporat terkini

Maklumat boleh dihantar ke emel rasmi: alumni@ums.edu.my .
Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada urusetia, Puan Avila di talian 013-8998647.
Sebagai rujukan, alumni boleh meninjau perkongsian terdahulu di platform rasmi UMS dengan menelusuri tanda pagar #KisahAlumniUMS.

Sertai Kami, Kongsi Inspirasi Anda!

Segmen khas ini bukan sahaja wadah penghargaan kepada alumni, malah ruang untuk UMS menonjolkan kekuatan jaringan alumninya di mata umum. Kami percaya setiap kisah kejayaan yang dikongsi akan menjadi pemangkin semangat, bukan sahaja kepada pelajar yang sedang menuntut, tetapi juga kepada generasi akan datang yang bercita-cita melakar kejayaan melalui Universiti Malaysia Sabah.

Ayuh, bersama kita mengangkat nama UMS melalui kisah kejayaan alumni. Kongsi inspirasi anda hari ini!

SELAMAT MENYAMBUT



HARI

ALUMNI

9 SEPTEMBER 2025

Thank You!





Congratulation!



Congratulation!

























Condolences

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



Benjamin bin Kotiu

Alumni Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Tahun 2010

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



Intan Zarina binti Zainal Abidin

Alumni Sekolah Sains & Teknologi (SST)
Tahun 2007

yang telah kembali ke rahmatullah pada
8 Mei 2025 bersamaan 10 Zulkaedah 1446H

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



Mastiah binti Kamis

Alumni Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF)
Tahun 2008

yang telah kembali ke rahmatullah pada
18 Jun 2025 bersamaan 1 Zulhijjah 1446H

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



Nuriza Farhana binti Ghazali

Alumni Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial
Tahun 2014

yang telah kembali ke rahmatullah pada
30 Julai 2025 bersamaan 5 Safar 1447H

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



DARNA BINTI TAJUDIN

Alumni Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Tahun 2007

yang telah kembali ke rahmatullah pada
17 Ogos 2025 bersamaan 23 Safar 1447H

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

SALAM TAKZIAH

Kepada seluruh keluarga



NADZIRAH BINTI MARIPAT

Alumni Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
Tahun 2011

yang telah kembali ke rahmatullah pada
17 Ogos 2025 bersamaan 23 Safar 1447H

Semoga rohnya ditempatkan di kalangan orang beriman.

UMS alumni

Ikhlas Daripada
Pusat Alumni UMS & Seluruh Warga Alumni UMS

OUR MERCHANDISE

SHOW YOUR LOVE TO YOUR ALMA MATER!

ORDER NOW



RM 25
Tote Bag



RM30
Mafla





Cold

Hot

RM 30
Magic Mug



RM 10
Keychain

For further inquiries, please contact the Alumni Centre at 088-329360.

Shop and Donate in One Go

With every purchase, 10% goes to the Tabung Sahabat Fund.
A small act that means a lot to alumni and students in need.
Thank you for your kindness!

ALUMNI
VIRTUAL ONE-STOP CENTRE

Scan the QR code to explore the options below :

- Alumni Newsletter
- Alumni Card Benefit
- Kemaskini Maklumat Alumni
- Alumni Donation
- Kemaskini Maklumat Usahawan Alumni
- Kempen 1Alumni 1RM
- UMS Alumni Clubhouse Fundraising
- Borang Kajian Kepuasan Pelanggan
- Peti Cadangan Pusat Alumni
- UMS ALUMNI CARD APPLICATION

Please fill in this form to further improve the quality of our Alumni Newsletter.

Anda Mempunyai Komen, Cadangan Atau Artikel
Yang Ingin Dikongsikan Bersama Pembaca
Newsletter Alumni

Hantarkan Artikel Anda Beserta Nama Lengkap Dan
Kohort Ke Alamat Emel Di Bawah



PUSAT ALUMNI UMS
ARAS 1 , BANGUNAN ANJUNG SISWA,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU.
No. Telefon : 088 329360
www.ums.edu.my/alumni/

EDITORIAL TEAM

ADVISOR Prof. Madya Dr. Raman B Noordin
MAIN EDITOR Dr. Arif @ Kamisan Pusiran
ARTWORK Avila Lihuan
CONTRIBUTORS Syed Mohd Mahyuddin bin Syed Satri . Avila Lihuan . Rosnah Ahmat . Mayson Chua Shang . Lopez Jaumin . Josua Ngindang . Shishi Putri